

## Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada aktiviti perkhemahan unit beruniform.

Huraikan pendapat anda tentang **faedah perkhemahan unit beruniform peringkat sekolah**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



**Melahirkan semangat  
kerjasama**

**Membentuk disiplin  
murid**



**Mengasah bakat  
keimpinan**

## Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Murid memainkan peranan yang penting untuk merealisasikan konsep ‘Sekolahku Syurgaku’.

Bincangkan peranan anda untuk menjayakan konsep tersebut.

2. Ibu bapa merupakan suri teladan dalam membentuk tingkah laku anak-anak khususnya dalam membentuk semangat kejiwaan agar tidak luntur dalam kalangan masyarakat.


Huraikan usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh ibu bapa dalam mengekalkan dan menyuburkan semangat kejiwaan dalam kalangan anak-anak.

3. Pengangkutan awam menjadi pilihan utama masyarakat Malaysia kerana mempunyai banyak kelebihan.

Ulaskan pernyataan di atas.

4. Keamanan sejagat merupakan tanggungjawab global. Namun begitu, sudah menjadi lumrah di dunia bahawa konflik antara negara di dunia pasti berlaku.

Jelaskan cara-cara untuk menyelesaikan persengketaan antara negara di dunia.



5. Prinsip “*Kesopanan dan Kesusilaan*” dalam Rukun Negara menekankan perkembangan personaliti dan tingkah laku seseorang rakyat yang bertujuan untuk membentuk warganegara yang bersopan dan bertatasusila.

Berdasarkan pernyataan tersebut, jelaskan usaha pelbagai pihak bagi melahirkan masyarakat yang bersopan dan bertatasusila.

**KERTAS SOALAN TAMAT**